



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
*Public Service Department, Malaysia*  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

SULIT

Rujukan Kami: JPA.BK( S)256/21/21 (6)  
18 Disember 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

# TERBUKA

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

## **PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERSONEL MySTEP DI BAWAH INISIATIF *SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAM* TAHUN 2021**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan sedia maklum, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan inisiatif MySTEP sebagai langkah jangka pendek untuk menangani isu pengangguran, membantu meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan kepada rakyat dan seterusnya akan membantu Kerajaan mempercepatkan pemulihan ekonomi domestik secara amnya.

3. Inisiatif ini merupakan penambahbaikan dari pelantikan Pekerja Sambilan Harian (PSH) sedia ada di mana Personel MySTEP akan menerima upah secara bulanan dan lain-lain kemudahan seperti cuti rehat dan sebagainya. Kerajaan juga telah bersetuju supaya tempoh perkhidmatan Personel MySTEP adalah sehingga satu (1) tahun bermula 1 Januari sehingga 31 Disember 2021.

SULIT


4. Selaras dengan hasrat tersebut, peraturan dan tatacara pelaksanaan perolehan perkhidmatan Personel MySTEP ini hendaklah dilaksanakan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Perolehan Perkhidmatan Personel MySTEP yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021.

5. Dengan berkuat kuasanya Garis Panduan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2011 adalah ditangguhkan pelaksanaannya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)**

s.k.:

**TERBUKA**

YBhg. Dato' Asri bin Hamidon  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia  
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592 **WP PUTRAJAYA**

SULIT